



**KEJOHANAN BOLASEPAK 9 SEBELAH TERBUKA  
2010  
SEMPENA ULANGTAHUN  
MAJLIS PERBANDARAN  
KUALA KANGSAR KALI YANG KE - 6**



## **PERATURAN SUKAN BOLA SEPAK**

### **1. PERATURAN AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang Permainan Bolasepak Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA).
- 1.2 Semua kejadian akan diputuskan berasaskan kepada PERATURAN AM kejohanan Bolasepak Am Malaysia (FAM) 2009.
- 1.3 Bahagian Penganjur Tempatan akan bertanggungjawab di dalam organisasi teknikal, seluruh kawalan dan pengurusan pertandingan.
- 1.4 Bahagian Penganjur Tempatan akan melantik seorang Pengarah Pertandingan/Teknikal (General Coordinator), Venue Kordinator Pengerusi Disiplin, Pengerusi Pengadil serta pegawai yang perlu dari Majlis Sukan Negeri Perak untuk menguruskan pengelolaan pertandingan.

### **2. TARIKH PERTANDINGAN**

- 2.1 21 MAC 2010

### **3. TEMPAT PERTANDINGAN**

- 3.1 Pertandingan bolasepak akan diadakan di beberapa venue iaitu Padang Mini Stadium, Padang Clifford, Padang MPKK dan Kolej Islam.

### **4. UNDANG-UNDANG**

- 4.1 Undang-undang permainan hendaklah mengikut undang-undang terkini yang berkuasa sebagaimana yang telah diputuskan oleh Lembaga Persatuan Bolasepak Antarabangsa dan diterbitkan oleh FIFA.
- 4.2 Sekurang-kurangnya lima belas (15) minit sebelum bermulanya perlawanan, tiap-tiap pasukan hendaklah mengemukakan nama sembilan (9) orang pemain dan empat (4) orang pemain 'start list' yang disediakan oleh Urusetia
- 4.3 Hanya tiga (3) pertukaran dibenarkan semasa perlawanan.

4.4 Ketua Pasukan hendaklah memakai lilitan yang nyata di lengan kiri jersi. Sekiranya ketua diganti maka lilitan lengan tersebut hendaklah diberi kepada ketua pasukan yang dilantik.

## **5.1 PENYERTAAN**

5.1 Terbuka kepada kakitangan PBT dan orang ramai daerah, kampung dan semua agensi yang berminat

5.2 penyertaan mestilah disertakan dengan senarai pemain dan salinan K/P.

## **6. PENDAFTARAN PEMAIN**

6.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar empat belas(12) orang pemain dan tiga (3) orang pegawai.

6.2 Jawatan tiga (3) orang pegawai hendaklah disebut di dalam borang.

6.3 Senarai pendaftaran ini hendaklah disertakan dengan butiran dan maklumat seperti berikut :

- a) Nama penuh pemain, posisi dan tiga (3) orang pegawai serta jawatan.
- b) Nombor jersi, satu (1) hingga dua puluh lima (25) (tidak boleh ditukar sehingga pertandingan selesai).
- c) Salinan kad pengenalan atau dokumen yang berkaitan.

6.4 Semua pasukan diminta mengisytiharkan warna jersi, seluar, stoking dan warna jersi penjaga gol yang dipakai semasa manjadi tuan rumah (di dalam pertandingan ini nama pasukan yang disebut dahulu adalah tuan rumah dan yang kedua dalah pasukan pelawat). Jika terdapat persamaan warna jersi setelah disahkan oleh Pengadil Perlawanan, pasukan pelawat hendaklah menukar jersi. Walaubagaimanapun, pasukan diminta membawa dua set jersi yang berlainan warna semasa perlawanan.

## **7. TARIKH TUTUP PENYERTAAN**

7.1 Tarikh tutup penyertaan adalah pada 10 MAC 2010.

## **8. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN, TAKLIMAT DAN UNDIAN**

8.1 mesyuarat pengurus pasukan akan diadakan 2 hari sebelum pertandingan pada ( **18/03/2010** ) di Rumah Rehat Kuala Kangsar pada **jam 3 ptg.**

## **9. MASA PERLAWANAN**

9.1 Masa permainan ialah tujuh (7) minit bagi separuh masa pertama dan tujuh (7) minit bagi separuh masa kedua. Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi satu (1) minit kecuali dengan izin pengadil.

9.2 Apabila masa tambahan ditetapkan, maka masa tambahan itu mestilah mengandungi dua bahagian selama lima (5) minit setiap bahagian. Pemain tidak boleh meninggalkan padang kecuali dengan kebenaran pengadil. ( perlawanan akhir sahaja)

## **10. KAD KUNING/MERAH**

10.1 Pemain yang mendapat (2) kad kuning akan digantung automatik satu (1) perlawanan berikutnya.

10.2 Pemain yang mendapat satu (1) kad merah akan digantung automatik dua (2) perlawanan berikutnya.

## **11. MENARIK DIRI**

11.1 Pasukan atau pemain yang terlewat lima belas (15) minit daripada masa yang telah dijadualkan bermain akan dianggap sebagai menarik diri serta kemenangan akan diberikan kepada pihak lawan.

11.2 Menarik diri (walk over) adalah tidak dibenarkan sama sekali. Jika ianya berlaku maka pasukan atau pemain dianggap menarik diri daripada keseluruhan pertandingan.

11.3 Keputusan-keputusan yang terdahulu bagi pasukan atau peserta yang berkenaan tidak akan diambil kira.

## **12. PENGADIL**

12.1 Pihak penganjur dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Negeri Perak dan Majlis Sukan Perak akan menyediakan pengadil bagi menjalankan pertandingan ini.

12.2 Semua keputusan yang dibuat oleh pengadil dan pegawai pertandingan adalah muktamad

## **13. BANTAHAN**

13.1 Bantahan hendaklah dibuat melalui Pengurus Pasukan secara bertulis tiga puluh (30) minit selepas pertandingan tamat dengan disertakan wang tunai RM300.00 sebagai pertaruhan.

13.2 Wang pertaruhan tersebut akan luput sekiranya bantahan yang dikemukakan ditolak.

#### **14. JAWATANKUASA BANTAHAN**

14.1 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Bolasepak akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bantahan yang berkuasa untuk menerima, mendengar dan membuat keputusan berkaitan bantahan.

14.2 Segala keputusan Jawatankuasa Bantahan adalah muktamad.

#### **15. HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN**

15.1 Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan-peraturan ini atau soal perbezaan tafsiran akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan keputusan adalah muktamad.

#### **16. FORMAT PERTANDINGAN**

16.1 Pertandingan akan dijalankan secara liga kumpulan (Tertakluk pada jumlah penyertaan)

16.2 Pasukan yang menang akan mendapat 3 mata dan pasukan yang seri akan berkongsi mata ( 1 )

16.3 jika terdapat dua pasukan atau lebih yang mendapat mata yang sama perkara perkara yang berikut akan diambil kira untuk menentukan keputusan bagi pasukan yang layak ke pusingan yang seterusnya

a.pasukan yang pernah menewaskan pasukan lawanya pada peringkat awal

b.pasukan yang mempunyai perbezaan gol yang banyak.

c.pasukan yang menjaringkan gol yang terbanyak

d. pasukan yang memenangi perlawanan yang terbanyak

#### **17. BENTUK DAN PENGELOLAAN PERTANDINGAN**

17.1 Jawatankuasa pertandingan akan mengambil segala tindakan dan membuat keputusan yang dianggap perlu bagi memastikan pertandingan dapat berjalan dengan lancar dan tertakluk kepada keputusan pihak penganjur serta peraturan peraturan pertandingan.



**JOHAN**

**WANG TUNAI RM 2000.00**

**MEDAL**

**N.JOHAN**

**WANG TUNAI RM 1000.00**

**MEDAL**

**KETIGA**

**WANG TUNAI RM 700.00**

**MEDAL**

**KEEMPAT**

**WANG TUNAI RM 400.00**

**MEDAL**

**BORANG PENDAFTARAN PEMAIN  
BOLA SEPAK PERTANDINGAN 9 SEBELAH TERBUKA  
ANJURAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR  
2010**

**PASUKAN** :  
**WARNA JERSI (1)** : ( **BAJU/SELUAR/STOKIN** )  
**WARNA JERSI (2)** : ( **BAJU/SELUAR/STOKIN** )

**SENARAI NAMA PEGAWAI**

BIL.	NAMA	NO. K/P	POSISI	TELEFON
1.			PENGURUS	
2.			PEN. PENGURUS	
3.			JURULATIH	

**SENARAI NAMA PEMAIN**

BIL.	NAMA	NO. K/P	POSISI	NO JERSI
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
7.				
8.				
9.				
10.				
11.				
12.				

Diakui sah oleh : .....  
(Pengurus Pasukan)

Cop Nama & Jawatan :

**PERINGATAN!**

1. Yuran penyertaan adalah **RM 150.00** untuk sebuah pasukan.
2. Borang pendaftaran dan bayaran hendaklah diserahkan pada hari undian perlawanan dibuat ( **18-03-2010** )
3. Tarikh tutup penyertaan pada **10 Mac 2010**.
4. Terbuka kepada semua **PBT, Daerah, Kampung, dan Agensi** yang berminat ( terhadap 64 pasukan sahaja )
5. Untuk keterangan lanjut sila hubungi **En Fazil** ( 019-5197999 ) **Zaidi** ( 012-5714818 ) **Halil** ( 012-5912848 )